



**TEKS MESYUARAT Pengerusi PUSPANITA
CAWANGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**MESYUARAT AGUNG (PEMILIHAN)
PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KALI KE-10 TAHUN 2019**

**20 FEBRUARI 2019 (RABU)
SESI 3 (11.30 PAGI)
DEWAN GEMILANG, KDN**

**MESYUARAT AGUNG (PEMILIHAN)
PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KALI KE-SEPULUH TAHUN 2019**

**Ucapan Aluan YBhg. Datin Seri Pengerusi
Mesyuarat**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum
WBT dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Datin Sri, Datin Indera,
Datin-Datin dan Puan-Puan Pengerusi-
Pengerusi Cawangan Kecil, AJK dan ahli-ahli
PUSPANITA Cawangan KDN yang dikasihi
sekelian.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan
ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia

Datin Sri, Datin Indera, Datin-Datin dan Puan-Puan kerana masih ada bersama-sama menghadiri mesyuarat ini.

2. Mesyuarat pada kali ini bertujuan untuk:

- i. Mengesahkan Minit Mesyuarat Tahunan Kali Ke-9 Tahun 2018;
- ii. Membentangkan dan menerima Laporan Aktiviti PUSPANITA Cawangan KDN Tahun 2018;
- iii. Membentangkan dan menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira Berakhir 31 Disember 2018;
- iv. Membubar AJK Sesi 2017/2018;

- v. Memilih dan melantik AJK Sesi 2019/2020;
- vi. Memilih 8 orang wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kebangsaan Kali ke-37 Tahun 2019; dan
- vii. Membincangkan usul dan hal-hal berbangkit yang lain.

AGENDA 2: Pelantikan Pencatat Minit

3. Bagi tujuan mesyuarat pada kali ini, suka saya memaklumkan bahawa Puan Maizura binti Zakaria dan Puan Siti Maisarah binti Roslan dari PUSPANITA Cawangan Kecil AADK dilantik sebagai Pencatat Minit.

AGENDA 3: Pengesahan Minit Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan KDN Kali Ke-9 Tahun 2018

4. Seterusnya bagi agenda pengesahan minit mesyuarat, saya mohon semua ahli mesyuarat merujuk kepada minit mesyuarat seperti di paparan *slide*. Secara ringkasnya, minit mesyuarat tersebut membincangkan dan menerima laporan aktiviti dan kewangan pada tahun 2017. Tiada pemilihan AJK dibuat kerana pelantikan adalah bagi tempoh dua tahun. Dalam mesyuarat yang lepas juga, tiada usul yang dibangkitkan oleh ahli.

(paparan minit di slide)

5. Sekiranya tiada sebarang pindaan kepada minit, saya mohon seorang ahli untuk

mencadangkan agar minit ini diluluskan dan seorang lagi ahli menyokong cadangan tersebut. Sila sebutkan nama dan Cawangan Kecil Puan dengan jelas bagi untuk memudahkan tugas Pencatat Minit.

(2 ahli mengangkat tangan untuk mencadang dan menyokong minit disahkan)

6. Dengan ini mesyuarat bersetuju agar minit ini diterima untuk disahkan tanpa pindaan *(atau dengan pindaan seperti yang dicadangkan sebentar tadi)*.

AGENDA 4: Membentang dan Menerima Laporan Aktiviti PUSPANITA Cawangan KDN Tahun 2018

7. Bagi agenda berikut, saya menjemput Puan Anita Zarina binti Salahuddin, Setiausaha PUSPANITA Cawangan KDN untuk membentangkan laporan aktiviti tahun 2018.

(Setiausaha membentangkan Laporan Aktiviti Tahun 2017 dan paparan slide)

8. Terima kasih Puan Setiausaha. Dengan pembentangan laporan tersebut, saya mohon semua ahli agar bersetuju untuk menerima Laporan Aktiviti Tahun 2018.

AGENDA 5: Membentang dan Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira Berakhir 31 Disember 2018

9. Seterusnya, saya menjemput Cik Khadijah binti Abd Rahman, Bendahari

PUSPANITA Cawangan KDN untuk membentangkan Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira Berakhir 31 Disember 2018.

(Bendahari membentangkan Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira Berakhir 31 Disember 2017. Paparan di slide)

10. Terima kasih Puan Bendahari. Untuk makluman semua ahli mesyuarat, penyata kewangan ini telah pun diaudit dan disemak oleh pihak luar sebagaimana yang diminta oleh PUSPANITA Kebangsaan. Justeru sekiranya terdapat sebarang pertanyaan saya mohon agar ahli-ahli dapat membangkitkan dalam mesyuarat pada hari ini. Sekiranya tiada, saya menjemput seorang ahli untuk mencadangkan dan seorang ahli untuk

menyokong agar laporan yang dibentangkan sebentar tadi untuk diterima.

(2 ahli mengangkat tangan untuk mencadang dan menyokong laporan kewangan diterima)

AGENDA 6: Membubar AJK Sesi 2017/2018

11. Agenda seterusnya adalah untuk membubarkan AJK Sesi 2017/2018. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua AJK atas segala sumbangan bakti yang diberikan. Saya menjemput semua AJK biasa untuk mengambil tempat di kerusi hadapan bersama ahli.

(AJK biasa mengambil tempat di kerusi bersama ahli)

AGENDA 7: Memilih dan Melantik AJK Sesi 2019/2020

12. Agenda seterusnya adalah untuk memilih dan melantik AJK Sesi 2019/2020.

13. Di kesempatan ini, saya ingin memperkenalkan Timbalan Pengerusi dan Pengerusi-Pengerusi Kecil di bawah PUSPANITA Cawangan KDN iaitu:

- i. YBhg. Datin Sri Fatimah binti Ariffin
Timbalan Pengerusi dan Pengerusi
Cawangan Kecil Ibu Pejabat KDN;
(YBhg. Datin Sri tidak dapat hadir)

- ii. YBhg. Datin Nor Laila binti Salleh
Timbalan Pengerusi;
(YBhg. Datin tidak dapat hadir)

- iii. YBhg. Datin Sri Hajah Noraini binti Man
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Jabatan Penjara Malaysia;
- iv. YBhg. Datin Sri Nursiah binti Haji Mohamad Tajul Arus
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Agensi Penguatkuasaan Maritim
Malaysia (APMM);
- v. YBhg. Datin Sri Noraini binti Abdul Jalil
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
- vi. YBhg. Datin Jaiyah binti Shahbudin

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
(JPN);

vii. YBhg. Datin Indera Mariam binti Ismail
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);

viii. YBrs. Puan Natthasha binti Mohamed
Harun
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);

ix. YBrs. Puan Masyati binti Abang
Ibrahim
Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan
Malaysia (JPPM).

(Beliau tidak dapat hadir)

14. Selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan KDN, saya diberikan kuasa oleh Perlembagaan Persatuan untuk melantik mana-mana ahli sebagai Setiausaha dan Bendahari. Sehubungan itu, saya ingin mengekalkan dan seterusnya melantik **Puan Anita Zarina binti Salahuddin** sebagai Setiausaha dan **Cik Khadijah binti Abd Rahman** sebagai Bendahari PUSPANITA Cawangan KDN bagi sesi 2019/2020.

15. Seterusnya bagi tujuan pemilihan AJK, saya dengan ingin melantik Yang Berbahagia **Datin Sri Hajah Noraini binti Man**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia sebagai Pengerusi Sementara.

(Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Noraini binti Man mempengerusikan mesyuarat)

AGENDA 7 (a): Pelantikan Pengira Undi

16. Terima kasih Yang Berbahagia Datin Seri Roba'aishah Binti Mohd Ghazali, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KDN, atas kepercayaan yang diberikan ini.

17. Sebelum mesyuarat memulakan agenda pemilihan, suka saya menjemput tiga orang ahli secara sukarela untuk menjadi Pengira Undi.

(Tiga orang ahli Pengira Undi mengambil tempat)

AGENDA 7 (b): Pemilihan dan Pelantikan AJK Biasa

18. Untuk makluman Yang Berbahagia Datin Sri, Datin Indera, Datin-Datin dan Puan-Puan, berdasarkan Perlembagaan Persatuan, jawatan untuk dibuat pemilihan dan pelantikan melalui Mesyuarat Agung adalah jawatan:

- i. Penolong Setiausaha;**
- ii. Penolong Bendahari;**
- iii. Pemeriksa Kira-Kira I;**
- iv. Pemeriksa Kira-Kira II;**

19. Bagi jawatan-jawatan AJK Biasa yang lain, pelantikan boleh dibuat dan disahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan KDN berdasarkan keperluan dan keputusan mesyuarat.

AGENDA 7 (b)(i): Pemilihan dan Pelantikan Penolong Setiausaha

20. Bagi tujuan pemilihan jawatan Penolong Setiausaha, saya mohon seorang ahli untuk mencalonkan nama dan seorang lagi ahli untuk menyokong. Sila sebutkan nama dan Cawangan Kecil Puan-Puan dengan jelas untuk kelancaran mesyuarat ini.

21. Saya mohon ahli-ahli yang dicalonkan untuk keluar dewan sebentar bagi tujuan pengiraan undi.

(Ahli mencalonkan nama, menyokong dan menutup cadangan. Pengira Undi membuat kiraan)

22. Berdasarkan kiraan undi, mesyuarat bersetuju untuk melantik <nama> sebagai Penolong Setiausaha. Tahniah diucapkan. Dijemput calon-calon untuk kembali semula ke dewan.

AGENDA 7 (b)(ii): Pemilihan dan Pelantikan Penolong Bendahari

20. Bagi tujuan pemilihan jawatan Penolong Bendahari, saya mohon seorang ahli untuk mencalonkan nama dan seorang lagi ahli untuk menyokong. Sila sebutkan nama dan Cawangan Kecil Puan-Puan dengan jelas untuk kelancaran mesyuarat ini.

21. Saya mohon ahli-ahli yang dicalonkan untuk keluar dewan sebentar bagi tujuan pengiraan undi.

(Ahli mencalonkan nama, meyokong dan menutup cadangan. Pengira Undi membuat kiraan)

22. Berdasarkan kiraan undi, mesyuarat bersetuju untuk melantik <nama> sebagai Penolong Bendahari. Tahniah diucapkan. Dijemput calon-calon untuk kembali semula ke dewan.

AGENDA 7 (b)(iii): Pemilihan dan Pelantikan Pemeriksa Kira-Kira I dan Pemeriksa Kira- Kira II

20. Bagi tujuan pemilihan jawatan Pemeriksa Kira-Kira I dan Pemeriksa Kira-Kira II, saya mohon seorang ahli untuk mencalonkan nama dan seorang lagi ahli untuk menyokong.

Sila sebutkan nama dan Cawangan Kecil Puan-Puan dengan jelas untuk kelancaran mesyuarat ini.

21. Saya mohon ahli-ahli yang dicalonkan untuk keluar dewan sebentar bagi tujuan pengiraan undi.

(Ahli mencalonkan nama, meyokong dan menutup cadangan. Pengira Undi membuat kiraan)

22. Berdasarkan kiraan undi, mesyuarat bersetuju untuk melantik <nama> dan <nama> sebagai Pemeriksa Kira-Kira I dan Pemeriksa Kira-Kira II. Tahniah diucapkan. Dijemput calon-calon untuk kembali semula ke dewan.

23. Dengan berakhirnya pemilihan ini, saya serahkan semula kepada Yang Berbahagia Datin Seri Roba'aishah Binti Mohd Ghazali, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KDN, untuk menguruskan agenda seterusnya.

(Yang Berbahagia Datin Seri Roba'aishah Binti Mohd Ghazali kembali menguruskan mesyuarat)

AGENDA 8: Memilih 8 Orang Wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kebangsaan Kali Ke-37 Tahun 2019

24. Terima kasih Yang Berbahagia Datin Sri Hajah Noraini binti Man. Tahniah kepada AJK yang terpilih.

25. Agenda seterusnya adalah untuk memilih 8 orang wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA Kebangsaan yang dijangka akan diadakan pada 27 Mac 2019. Seperti sebelum ini, wakil-wakil yang dipilih adalah terdiri daripada Setiausaha dan Bendahari Cawangan (diwajibkan oleh PUSPANITA Kebangsaan), manakala 6 orang lagi dari kalangan Setiausaha-Setiausaha Cawangan Kecil. Tujuannya adalah agar segala maklumat yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut akan dapat disampaikan terus kepada semua ahli di Cawangan Kecil masing-masing.

26. Sehubungan itu, pada mesyuarat kali ini, saya mohon persetujuan ahli untuk bersetuju dengan cadangan ini.

(Mesyuarat bersetuju)

27. Terima kasih di atas persetujuan ahli-ahli sekalian .

AGENDA 9: Pembentangan Usul dan Hal-Hal Lain

28. Untuk agenda seterusnya, dimaklumkan bahawa tiada usul yang diterima. Walau bagaimanapun, suka saya membuka peluang ini kepada semua ahli untuk mengemukakan sebarang cadangan atau pandangan yang boleh menambak perjalanan aktiviti dan kebajikan ahli PUSPANITA Cawangan KDN.

(Ahli mengemukakan cadangan)

29. Terima kasih atas segala pandangan, perhatian dan kerjasama yang baik yang

diberikan sepanjang perjalanan mesyuarat pada kali ini.

AGENDA 10: Ucapan Penangguhan Pengerusi

30. Saya juga ingin sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatan kuasa kerana telah memberi komitmen, semangat kerjasama dan begitu dedikasi dalam menjalankan tugas yang diberikan.

31. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang saya kasihi sekalian di atas segala sokongan dan penglibatan dalam semua program dan aktiviti PUSPANITA Cawangan KDN.

32. Sebelum mengakhiri mesyuarat ini, saya ingin memohon maaf kepada semua jika ada salah dan silap di sepanjang perjalanan mesyuarat ini. Segala yang baik itu dari Allah SWT dan segala salah dan silap itu datang dari hambaNya.

33. Dengan ini, saya menanggungkan Mesyuarat PUSPANITA Cawangan KDN bagi tahun ini.

Assalamualaikum WBT.

Sekian, terima kasih.